

**SOALAN NO: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**

**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ANYI NGAU [ BARAM ]**

**TARIKH : 7 MAC 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Anyi Ngau [Baram]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan pihak Kementerian menaik taraf Hospital Marudi daripada segi kemudahan-kemudahan perubatan terkini dan keadaan fizikal bangunan Hospital Marudi.

**Tuan Yang DiPertua,**

Hospital Marudi merupakan sebuah hospital tanpa pakar dengan kapasiti **54** buah katil yang telah siap dibina pada tahun **1965** dengan menyediakan perkhidmatan pesakit luar, hemodialisis, perkhidmatan pesakit dalam dan khidmat sokongan yang berkaitan. Terdapat 9 orang pegawai perubatan yang sedang bertugas di Hospital Marudi dalam memberi perkhidmatan perubatan kepada penduduk di kawasan liputan iaitu daerah Baram.

Kadar Penggunaan Katil pada tahun 2015 adalah 37.45% sahaja. Buat masa ini, keperluan perkhidmatan kesihatan dan perubatan penduduk setempat (seramai **65,400** orang) masih dapat ditampung oleh kemudahan hospital sedia ada. Bagi kes-kes yang memerlukan rawatan lanjut, akan dirujuk ke Hospital Miri dengan jarak perjalanan selama 2 jam (60km) menggunakan jalan darat.

Walaubagaimanapun KKM akan memantau perkhidmatan yang disediakan di hospital ini dan akan menaiktaraf peralatan berkaitan apabila terdapat keperluan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [ PANDAN ]**

**TARIKH : 7.3.2017 (SELASA)**

**SOALAN : 50**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pelajar di Universiti Kuala Lumpur dan semua Institusi Pendidikan Mara (IPMa) dari 2005 hingga 2016 mengikut 5 kategori pembiayaan (biasiswa MARA, biasiswa lain, pinjaman MARA, pinjaman lain dan lain-lain).

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, saya ingin menjelaskan MARA hanya menyediakan Pinjaman Boleh Ubah kepada pelajar di Institusi Pendidikan MARA (IPMa) seperti di Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM), German-Malaysian Institute (GMI) dan Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) dan bukan pembiayaan dalam bentuk basiswa.

Jumlah pelajar yang menerima kemudahan pinjaman pelajaran MARA dari tahun 2005 hingga 2016 bagi semua IPMa tersebut adalah seperti berikut:

2005	-	3,059 orang
2006	-	4,654 orang
2007	-	5,113 orang
2008	-	9,101 orang
2009	-	8,295 orang
2010	-	24,546 orang
2011	-	34,440 orang
2012	-	36,023 orang
2013	-	43,386 orang

2014 - 52,898 orang

2015 - 46,684 orang

2016 - 39,363 orang

Jumlah tajaan pelajar adalah bergantung kepada peruntukan yang diterima oleh MARA pada tahun semasa.